



Anwar menerima kunjungan Persatuan Industri Semikonduktor di Kuala Lumpur, semalam. (Foto FB Anwar Ibrahim)

# 'Tidak adil nilai prestasi menteri dalam setahun'

PM sedia  
rombak Kabinet  
jika keadaan  
memerlukan  
sebelum akhir  
tahun ini

Oleh Suzalina Halid,  
Muhammad Yusri Muzamir  
dan Ilah Hafiz Aziz  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Rombakan Kabinet perlu jika prestasi menteri meleset atau wujud keadaan lain yang menuntut dan dilakukan sebelum akhir tahun.

Selepas setahun, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata sedikit penyesuaian Jemaah Menteri boleh dilakukan, termasuk menambahnya.

Bagaimanapun beliau berkata, tidak adil untuk menteri dinilai hanya tempoh setahun kerana itu dilihat terlalu awal.

"Tetapi saya tidak fikir setelah setahun kita membuat penilaian yang adil. Orang perintah 10 tahun, tiga tahun, namun setahun terlalu awal.

"Jadi, menteri perlu diberi peluang meningkatkan prestasi termasuk Perdana Menteri dan kalau ada sedikit penyesuaian berdasarkan pengalaman setahun,

kita akan lakukan termasuk menambah," katanya pada *Wawancara Khas Setahun bersama Kerajaan Madani: Tiwikrama Perdana Menteri*, kelmarin.

Pada masa sama, Anwar berkata, anggota Jemaah Menteri dinasihat tidak berasa selesa dengan prestasi dicapai Kerajaan Perpaduan selepas setahun menerajui pentadbiran negara.

Sebaliknya, Perdana Menteri berkata, Kabinet perlu mengutamakan keselesaan yang akan dinikmati rakyat, sekali gus menjadi ukuran sebenar pencapaian Kerajaan Perpaduan.

## Usaha beri khidmat terbaik

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, Jemaah Menteri perlu berusaha sedaya upaya memberi khidmat terbaik kepada semua lapisan masyarakat, sebaliknya tidak hanya memberi tumpuan kepada aspek pertumbuhan ekonomi semata-mata.

"Kadang-kadang apabila jadi pemimpin, semuanya (rasa) terbaik. Sistem pendidikan semuanya nombor satu, kesihatan...terbaik. Kita dengar dulu, tetapi sebenarnya bila lihat kenyataan, tandas pun tak dapat dibaiki. Sekolah pun banyak yang robek.

"Jangan kita termakan dengan penyakit keselesaan. Kalau tanya saya, kita buat sedaya upaya tetapi jangan (rasa) ini sudah terlalu baik.

"Ada lagi keupayaan kita untuk membersihkan dan meningkatkan mutu dan etika kerja kerana

akhirnya bukan angka pertumbuhan yang disebutkan.

"Kadar inflasi rendah. Tidak siapa boleh pertikai walaupun kita disanggah sebagai gagal, tetapi ternyata kadar inflasi, pertumbuhan dan pengangguran adalah lebih baik," katanya.

Sementara itu, dalam catatan di media sosial, Anwar berkata, kerajaan menggubal dasar dan kebijakan yang jelas serta bersepadu bagi menarik serta mengekalkan pelabur di negara ini.

Perdana Menteri berkata, dasar dan inisiatif yang diwujudkan itu harus selari keperluan semasa dan akan datang.

"Penting bagi kerajaan menggubal dasar serta kebijakan yang jelas dan bersepadu bagi menarik dan mengekalkan pelabur di Malaysia.

"Juga perlu diterapkan pendekatan libat urus bersama-sama industri agar dasar dan inisiatif yang diwujudkan selari dengan keperluan semasa dan akan datang," katanya selepas menerima kunjungan hormat Persatuan Industri Semikonduktor (SIA), kelmarin.

Delegasi SIA diketuai Naib Presiden Dasar Global SIA, Mary Thornton. Ahli dan anggota SIA mewakili lebih daripada 99 peratus industri semikonduktor AS dari segi pendapatan.

Pada pertemuan itu, Malaysia dicadang untuk menjadi destinasi pelaburan asing pada peringkat rangkaian yang bernilai tinggi babitkan syarikat utama dunia.